



PENCERAHAN TENTANG KONSEP WASATIYYAH. SATU KUPASAN

SHUHAIRIMI ABDULLAH

Oleh : Mustaffa Ismail

Pendahuluan

Wasatiyyah bererti sederhana, adil, dan *haq* berdasarkan kepada perimbangan agama. Berasaskan kepada keterangan ini, istilah wasatiyyah bukanlah diprojekkan kepada perlakuan yang sederhana dan mudah serta fleksibel semata-mata. Sebaliknya, kesederhanaan yang ditorjokan adalah bermaksud ketentuan agama diberi keutamaan dalam kedua-dua aspek tersebut secara adil, konsisten, kasih sayang bertepatan dengan ruh agama yang bersifat *rāḥmatan illi a'lamin*. Berdasarkan kepada kerangka kefahaman yang jelas tersebut secara tidak langsung ia dapat mengelakkan kekeliruan makna wasatiyyah yang terbuka kepada pentafsiran yang negatif seperti cenderung kepada idea liberalisme, mudah dan juga eksterim.

Dalam pada itu, sarjana Islam tersohor di abad ini, al-Qaradawi (2010) dalam bukunya "Moderation in Islam: Simple Explanation" mengemukakan pandangan bahawa pendekatan wasatiyyah adalah keperluan terbaik dalam aspek pembangunan. Pendekatan ini telah pun diaplikasikan oleh para nabi dan rasul dalam dakwah mereka. Al-Qur'an telah merekodkan bahawa semua nabi dan rasul menghadapi pelbagai cabaran yang ditimbulkan oleh kaum mereka, namun para nabi dan rasul cenderung memilih pendekatan yang bersifat kesederhanaan dan adil dalam merungkai setiap masalah yang dihadapi. Mereka tidak pernah berputus asa, tetap istiqamah, bersabar dan menggunakan pendekatan yang rasional dan realistik supaya mudah untuk diterima oleh kaum mereka. Semua pendekatan yang diambil tersebut adalah cenderung kepada konsep wasatiyyah yang merupakan pendekatan yang disenangi dan diterima oleh masyarakat.

Definisi al-Wasatiyyah

Al-Qur'an memberi petunjuk berkaitan relevansi perlaksanaan wasatiyyah dengan kepentingan kehidupan manusia. Keterangan ini disokong oleh firman Allah S.W.T (surah al-Baqarah (2): 143) yang bermaksud:

"Dan demikianlah Kami jadikan kamu satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia dan Rasulullah pula akan menjadi saksi kebenaran perbuatan kamu. Dan tiada yang kiblat yang engku mengadapnya dahulu itu, melainkan untuk pengetahuan Kami tentang siapakah yang mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tadih. Dan sesungguhnya (peralihan kiblat) itu amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang yang telah diberikan Allah petunjuk hidayah. Dan tidaklah Allah akan menghinggkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah amat melimpah belas kasihan dan rahmat-Nya kepada orang (yang beriman)."

Dalam memperincikan ayat ini, Ibn Kathir (1980) menjelaskan bahawa *al-wasath* membawa maksud pertengahan yang terbaik. Ini kerana, Nabi Muhammad s.a.w adalah yang termulia nasabnya di antara kaumnya. Oleh kerana, Allah S.W.T menjadikan umat Muhammad s.a.w sebagai umat yang termulia maka dilengkapi hukum syariat dan tuntutannya bagi umat istimewa sebagaimana yang dirakamkan dalam surah *al-Hajj* ayat 78 maksudnya:

"Dan berjihadalah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya; Dia telah memilih kamu dan ia tidak menjadikan atas kamu menanggung susah payah dalam perkara agama, agama bapa kamu Ibrahim. Ia menamakan kamu orang Islam semjak dahulu, dan di dalam al-Quran ini, supaya Rasulullah menjadi saksi yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu, dan supaya kamu pula layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah). Oleh itu dirikanlah solat, dan berilah zakat, serta berpegang teguhlah kepada Allah! Dialah Pelindung kamu. Maka Dialah sahaja sebaik-baik pelindung dan sebaik-baik pemberi pertolongan"

Berdasarkan kepada kesinambungan pendekatan kesederhanaan yang telah diterima pakai oleh para nabi dan rasul yang terdahulu ternyata konsep wasatiyyah merupakan antara pendekatan penting untuk mengisi kerangka pembangunan modal insan dan negara amnya. Dalam konteks faham kesederhanaan Islam, konsep wasatiyyah merupakan manifestasi kepada rahmat pada seluruh makhluk dan alam. Begitu juga dalam tradisi Islam, asas yang mendasari kehidupan sebagai seorang Islam ialah akidah, ibadah, syariah dan akhlak. Seorang muslim yang baik perlu memahami hubungan dirinya dengan pencipta, dengan alam dan ilmu. Akidah tauhid memberikan kita asas memahami Allah S.W.T dan hubungan-Nya dengan alam dan ilmu. Ia membentuk cara berfikir bahawa alam ini dijadikan oleh-Nya dan ilmu atau hikmah adalah pertunjuk dari-Nya.

Manusia sebagai khalifah perlu memiliki keupayaan untuk mengurus, meneraju dan mengendali dengan baik. Untuk mengurus diri manusia memerlukan pemahaman terhadap ilmu fardu ain yang luas skopnya. Untuk mengurus persekitaran dan sistem, manusia Islam memerlukan ilmu, keterampilan, teknologi dan daya pengurusan yang adil, amanah, telus dan tulus menerusi ilmu fardu kifayah yang dipelajari. Ilmu fardu ain (*naqliyah*) dan ilmu fardu kifayah (*aqliyah*) harus bergerak seiring supaya manusia mampu mengurus dirinya sebagai hamba dan mampu mengurus sistem sebagai khalifah dalam konteks konsep wasatiyyah.

KONSEP WASATIYYAH

Wasatiyyah dari segi bahasa adalah berasasi dari perkataan masdar atau "kata terbitan" yang merujuk kepada perkataan "*al-wasaf*". Dari perkataan "*al-wasaf*" terbit pula perkataan "*al-Awsaf*" ism tafdid yang bermaksud sangat dan tidak melampau. Perkataan lain yang mempunyai persamaan dengannya dalam bahasa Arab iaitu "*I'tidal*" bererti "tidak melampau" (rigid, ketat) dan tidak cuai (longgar). Dalam al-Quran Allah S.W.T telah menyebut perkataan wasata dalam firman-Nya yang bermaksud (Abdullah, 2013):

"Dan demikian pula kami telah menjadikan kamu (umat Islam) (ummatan wasata)"

(al-Baqarah (2):143)

Dengan kata lain, *al-wasat* merujuk kepada ketentuan adil dan tidak memihak pada mana-mana. Sekiranya berada diluar lingkungan yang telah ditetapkan maka ia dikenali sebagai *ifrat* yang membawa kepada konotasi berlebih-lebih atau melampau. Jika kecenderungan kurang daripada pertengahan, dalam bahasa arab ia dikenali sebagai *tafrith* atau *taqfir* yang membawa maksud kepada mengekang atau sempit. Oleh yang demikian, ternyatakah kedua-dua sifat yang mirip kepada keterlaluan (melampau) dan mengekang (sempit) adalah sifat yang dicela. Keterangan ini oleh Ahmad Mustafa (1946) dengan memetik kenyataan dari seorang penyair seperti berikut:

"Jangan berlebih-lebih dalam sesuatu perkara dan jangan berfikiran sempit tetapi ambillah yang pertengahan (antara kedua-dua)"

Tegasnya, menurut Ahmad Mustafa (1946), Allah S.W.T telah menjadikan umat Islam sebagai umat yang terbaik dan adil selari dengan golongan ini berada di tengah-tengah dan bukannya umat yang cenderung kepada melampau basasan agama. Pada hakikatnya, umat manusia sebelum kedatangan Islam boleh diklasifikasi kepada dua kategori. Pertama, golongan materialistik. Pengikut aliran ini terpengaruh dengan faham kebendaan seperti yang dilakukan oleh golongan Musyrik dan Yahudi. Kedua, golongan yang memfokuskan kepada aspek kebatinan secara tunggal dan meminggirkan aspek kedunaian. Sebagai contoh, yang berlaku kepada golongan Nasrani, *al-Sabiah*, *Wathani*, Hindu dan golongan *Riyadat*.

Sebagai penyelesaian kepada dua kaedah pendekatan kehidupan tersebut, Islam telah mencari pendekatan terbaik di antara kedua pendekatan yang dianut tersebut iaitu hak jasmani dan rohani. Islam telah memilih dan memberikan hak kehidupan yang sewajarnya kepada Islam. Ini kerana, pada hakikatnya manusia terdiri daripada dua unsur iaitu roh dan jasmani. Dengan kata lain, unsur-unsur yang ada pada manusia terdiri daripada haiwan dan malaikat. Justeru, ia akan menjadi lebih sempurna apabila kedua-dua hak tersebut diraikan bersama.


Di samping itu, umat Islam juga akan menjadi saksi kepada golongan yang berpegang kepada faham materialistik yang mengafikan Allah S.W.T dan memilih kehidupan mereka untuk menikmati kelazatan kebendaan dan mengharamkan diri dalam aspek kerohanian. Golongan ini mendakwa bahawa tidak ada kehidupan, melainkan keabadian hidup di dunia semata-mata. Hidup dan mati serta kebinasaan hanyalah masa yang akan menentukan. Begitu juga, umat Islam menjadi saksi kepada golongan yang cenderung kepada kehidupan agama secara berlebih-lebihan dan menafikan kelazatan jasmani serta merosakkan hak diri. Dalam masa yang sama, golongan ini juga mengharamkan apa yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T di dunia ini. Golongan ini cenderung menyimpang daripada pendekatan kesederhanaan dan menganiaya jiwa dengan cara menyiksa tuntutan jasmeninya.

Dalam pada itu, umat Islam turut menjadi saksi dan memainkan peranan golongan yang berada di hadapan. Umat Islam akan menjadi pelopor kepada kedua-dua golongan yang menyimpang daripada kebenaran disebabkan pendekatan yang digarapkan Islam cenderung kepada kesederhanaan dan keadilan dalam setiap bidang kehidupan manusia. Tidak dinafikan lagi ia merupakan kategori kemanusiaan yang ideal, yang telah memberikan hak yang seadilnya sama dari aspek ketuhanan, kerohanian, jasmani, kekeluargaan dan kemanusiaan amnya.

Atas kebenaran tersebut, Rasulullah s.a.w diutuskan di muka bumi ini untuk menjadi contoh ikutan kepada seluruh manusia dan memperkasakan peradaban insan yang diwami dengan asas-asas keadilan seperti yang ditutut oleh Allah S.W.T iaitu "golongan moden sederhana". Melalui pedoman wahyu dan al-sunnah yang ditinggalkan oleh Baginda Muhammad s.a.w, Baginda telah menentukan jalan yang sepaututnya diikuti oleh umatnya. Oleh yang demikian, sekiranya, jalan lain yang dipilih sudah pastilah ia menyimpang batas-batas kemanusiaan dan tuntutan keagamaan. Keterangan ini disokong daripada kenyataan yang direkodkan dalam al-Qur'an maksudnya:

*"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuai segala perkara yang baik dan milarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji).
(Ali-Imran)*

Menurut al-Qaradawi (2010) *wasatiyyah* (pemahaman moderat) adalah salah satu konsep yang terdapat dalam Islam yang tidak dimiliki oleh ideologi-ideologi lain. Beliau termasuk di antara para ulama yang menyeru kepada dakwah Islam yang moderat dan menentang segala bentuk pemikiran yang liberal dan radikal. Pendekatan liberal membawa pengertian iaitu memahami Islam dengan pertimbangan hawa nafsu dan logik akal yang cenderung mencari kebenaran yang bersifat tidak ilmiah. Radikal pula merupakan pendekatan agama Islam secara teksual menyebabkan secara tidak langsung menafikan kedinamikan ajaran Islam yang murni.



MYUniMAP
Edisi XXXVI
**PENULIS
TAMU**

Realiti ini mengakibatkan pemahaman berkaitan kemurnian Islam berdasarkan kehendak wahyu menjadi statik dan beku serta tidak relevan dengan realiti dan kondisi masyarakat semasa. Padahal Rasulullah s.a.w menegaskan maksudnya:

"Hindarilah sifat berlebihan dalam agama. Ini kerana umat sebelum kamu binasa disebabkan sifat tersebut"

(al-Bukhari)

Atas alasan inilah, istilah *wasatiyyah* yang diprojekkan oleh Islam merefleksikan dasar-dasar Islam terpenting yang menjadi garis pemisah antara pendekatan Islam dengan metodologi-metodologi yang ada pada faham-faham, aliran-aliran, serta falsafah lain. Konsep *wasatiyyah* Islam adalah satu mekanisme penolakan terhadap ekstremis dalam bentuk kezaliman dan kebatilan. Secara tidak langsung ia menjadi cermin fitrah manusia yang suci daripada pengaruh-pengaruh negatif. Menurut Muhammad Imaaroh (1999), istilah *wasatiyyah* termasuk yang sering disalahertikan. Beliau menjelaskan dengan panjang lebar makna konsep *al-wasatiyyah* di dalam Islam. Istilah *wasatiyyah* dalam pengertian Islam merupakan asas dan jati diri yang khusus dimiliki oleh manhaj Islam dalam pemikiran dan kehidupan, dalam pandangan, pelaksanaan dan penerapannya.

Dalam konteks al-Sunnah pula, pendekatan hidup secara *wasatiyyah* begitu ditekankan oleh Baginda Muhammad s.a.w. Cara hidup sederhana yang bermatlamatkan dunia dan ukhrawi digarapkan dalam kehidupan Baginda s.a.w. Malahan Nabi Muhammad s.a.w melarang umatnya bertindak secara melampau dan berlebih-lebihan bertindak secara melampau dan berlebih-lebihan sama ada dalam aspek ibadah dan juga muaamalah sesama manusia. Keterangan ini dapat disingkap dalam sirah Baginda s.a.w sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Sayyidatina Aishah r.a seperti berikut maksudnya:

"Tidaklah diberi pilihan kepada Rasulullah S.A.W antara dua perkara, melainkan Baginda akan memilih yang paling mudah, antara keduanya selagi perkara tersebut tidak berdosa. Sekiranya berdosa, Baginda akan menjauhkan dari perkara tersebut. Baginda tidak pernah membala untuk dirinya sendiri kecuali jika dilanggar kehormatan Allah, maka Baginda akan membala pelanggaran tersebut kerana Allah. Baginda adalah orang yang lambat marah dan cepat redha."

(al-Bukhari)

Kesempurnaan keperibadian Baginda Muhammad s.a.w dalam kehidupannya yang penuh dengan kesederhanaan dapat dilihat melalui perwatakkannya. Nabi Muhammad s.a.w merupakan insan yang berpegang kuat pada janji, mengutamakan talli persaudaraan, paling mengasihi manusia, paling baik dalam pergaulan dan adab dan paling luhur akhlaknya. Baginda bukanlah individu yang keji, tidak mengutuk dan tidak membuat kebisingan di pasar. Baginda tidak membala kejahatan dengan kejahatan, tetapi lebih bersikap pemaaf, tidak meninggalkan orang yang berjalan di belakangnya, tidak melebih diri terhadap hamba sahayanya baik lelaki maupun perempuan dalam soal makanan dan pakaian. Baginda cinta kepada orang miskin dan mendampingi mereka serta menghadiri jenazah mereka. Baginda tidak pernah meremehkan seseorang kerana kefakirannya (Safiyu al-Rahman, 1995). Dalam satu peristiwa perjalanan Baginda Muhammad s.a.w memerintahkan diuruskan seekor kambing untuk dimakan. Lalu ada seseorang yang berkata "biar aku yang menyembelihnya". Seorang lagi berkata "biar aku yang melapahkannya". Seorang lagi berkata "biar aku yang memasakkannya". Kemudian Baginda berkata "biar aku yang mengumpulkan kayu apinya". Kemudian mereka berkata "cukuplah kami yang menguruskan kerja kamu itu". Namun Baginda menjawab "memang aku tahu, kamu semua sudah cukup untuk melakukan tugasku, akan tetapi aku tidak suka untuk berbeza daripada kamu, sesungguhnya Allah tidak suka melihat hambanya yang dilihat berbeza daripada teman-temannya". Kemudian Baginda pun bangun untuk mengumpul kayu api (al-Thabari, 1343 H).

Rasulullah s.a.w menentang tabiat melampau dalam menunaikan ibadat puasa, solat, berzikir dan membaca al-Qur'an sehingga melakukan kezaliman ke atas hak diri, hak keluarga dan hak masyarakat. Baginda juga berpendapat bahawa keadilan itu ialah memberi kepada setiap yang mempunyai hak akan haknya, tanpa lebih dan tanpa kurang. Sebagaimana beginda Rasulullah s.a.w lakukan kepada Abdullah bin Amr ketika beliau terlalu melampau dalam beribadat, lalu baginda bersabda kepadanya yang bermaksud:

"Sesungguhnya bagi badan kamu ada hak keatas kamu; bagi mata kamu ada hak keatas kamu; bagi keluarga kamu ada hak ke atas kamu; dan bagi pelawat rumahmu ada hak keatas kamu". Dan dalam riwayat Tirmizi: "Oleh itu maka tunaikanlah hak kepada orang yang mempunyai haknya."

Kesimpulan

Sekiranya ditekuni, wasatiyyah pada prinsinya bukan sekadar konsep dan pendekatan, namun ia berkesinambungan dengan hal-hal kehidupan. Rasulullah s.a.w adalah contoh terbaik bagaimana pendekatan wasatiyyah berlaku pada amalan dirinya (Sidek Baba, 2013). Oleh yang demikian, pendekatan wasatiyyah ini juga turut di sokong oleh ulama mu'tabar seperti Imam al-Mawardi (450 H), Imam al-Haramain al-Juwaini (478 H), Imam al-Ghazali (505 H), Ibn Qudamah (620 H), Ibn Taimiyah (728 H), Ibn Qayyim (758 H) dan al-Shatibi (790 H). Manakala di kalangan tokoh ulama mutakhir yang terkehadapan dalam mendokong manhaj ini ialah Yusuf al-Qaradawi, Muhammad Abduh, Rashid Rida, Mahmud Shaltut dan ramai lagi (Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi & Ahmad Dahlan Salleh, 2015).

Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa pendekatan konsep wasatiyyah lebih mudah dihayati dan direalisasikan dalam masyarakat jika dibandingkan dengan pendekatan-pendekatan yang lain, kerana ia berorientasikan asas-asas kesederhanaan, keseimbangan, keadilan dan kecermerlangan. Dalam konteks negara hari ini, konsep wasatiyyah menjadi suatu dasar yang penting dalam mewujudkan keseimbangan dari segi membina perpaduan yang lebih harmoni. Untuk itu, al-Qur'an dan al-Sunnah dijadikan sebagai penanda aras yang standard dan mematuhi semua kriteria asas iaitu akidah (prinsip tauhid), syariah (maqasid syariyah) dan akhlak. Pendekatan wasatiyyah adalah jalan terbaik dalam merungkai kemelut ini kerana wasatiyyah adalah asas utama yang mendasari kriteria-kriteria maqasid syar'iyah, fiqh awliawiyat dan hikmah.



Rujukan

Abdullah Md Zin. (2013). Pendekatan Wasatiyyah: Definisi, Konsep dan Peraksaraan. Kuala Lumpur: Institut Wasatiyyah Malaysia.

Ibn Kathir, 'Imad al-Din Abi Fada' Ismail ibn 'Umar. (1980). Tafsir Ibn Kathir, jil. 1. Beirut: Dar al-Fikr.

Imarah, Muhammad. (1999). Surah al-Islam fi al-Turath al-Gharbiy. Qaherah: Nahdat Misi.

Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi & Ahmad Dahlan Salleh. (2015). Wasatiyyah dan Kesederhanaan. <http://www.ukmsyarikh.org/tarbitan/wp-content/uploads/2015/09/11-Mohd-Zuhdi-Ahmad-Khasasi.pdf>. Capaihan pada 8.10.2018.

Mubarokfuri Safiurrahman. (1995). al-Rahiq al-Makhtum: Bahth Fi al-Sirah al-Nabawiyah 'Alia Sahibih Al-Adl al-Salih Wa-al-Salam Qahirah Dar al-Hadith.

Qaradawi, Yusof al-. (2010). Wasatiyyah in Islam: A Brief Explanation and an Indicator. Pulau Pinang: Penerbit Kerajaan Negeri Pulau Pinang & Institut Kajian Dasar.